

JENTERA DISUSUN IKUT POLITIK SEMASA

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KOTA BHARU. Selasa — Ketua Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah akan menemui para pemimpin UMNO di peringkat bahagian Negeri ini minggu depan untuk menerangkan langkah-langkah baru yang akan diambil oleh parti dalam pentadbiran Kerajaan Negeri.

Tengku Razaleigh berkata, perkara utama akan beliau terangkan ialah mengenai penyusunan semula jentera dan agensi-agensi Kerajaan termasuk jentera sekolah agama, mubaligh, guru-guru Quran, para penghulu dan Jawatankuasa-jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK).

Menurut beliau, langkah itu dibuat bagi penyesuaian jentera-jentera tersebut dengan keadaan politik semasa dan keadaan-keadaan baru di negeri ini supaya rakyat akan terus menyokong Barisan Nasional.

Perkara ini dijelaskan oleh Tengku Razaleigh yang juga Pengerusi BN Kelantan kepada semua Ahli Dewan Undangan Negeri dan Parlimen BN Negeri dalam satu perjumpaan khas di sini petang kelmarin.

Ketika ditemui selepas perjumpaan itu, Tengku Razaleigh memberitahu: "Dalam perjumpaan itu, saya mengingatkan semua Ahli Dewan Undangan Negeri dan Parlimen BN tentang tugas-tugas dan kewajipan serta cabaran-cabaran yang akan mereka hadapi."

Beliau mahukan mereka sentiasa mendampingi rakyat dan menjalankan kewajipan dengan berkesan berpancukan konsep bersih, cekap dan amanah seperti dikehendaki oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Salah faham

Tengku Razaleigh juga meminta mereka itu menceungkil segala masalah di kawasan masing-masing untuk diatasi semoga hasrat rakyat dapat dipenuhi seberapa yang boleh.

"Saya juga meminta mereka berhubung rapat dengan para pemimpin parti di kawasan masing-masing supaya tidak berlaku sebarang salah faham, kerana selain dari menjadi wakil rakyat mereka juga sebagai wakil parti di kawasan berkenaan," ujar beliau.

Mengenai pemimpin-pemimpin UMNO di peringkat kampung, Tengku Razaleigh berkata, kedudukan mereka akan disusun semula jika perlu supaya dapat memainkan peranan lebih berkesan kepada sebarang langkah yang akan diambil oleh Kerajaan dan parti di kawasan masing-masing.

"Jentera pilihanraya parti yang ada sekarang akan berjalan terus sehingga pilihanraya akan datang, terutama di peringkat kampung, sebab itulah pemimpin-pemimpin parti di peringkat ini akan diteliti dan di mana perlu akan disusun semula supaya peranan mereka memberi kesan kepada sebarang langkah yang akan diambil oleh parti dan Kerajaan," ujarnya.